

SOALAN NO :50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD. YAZID
[KUALA KANGSAR]
TARIKH : 6 MAC 2018
SOALAN : 50**

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan angka kadar kematian akibat pembedahan plastik pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2017 sehingga kini, tiada angka kadar kematian akibat pembedahan plastic di hospital KKM. Pembedahan plastik dan rekonstruktif yang dilakukan adalah untuk kes kongenital, tumor, kebakaran, trauma dan sebagainya. Kes rujukan yang diterima oleh hospital kerajaan adalah dari fasiliti kerajaan (klinik kerajaan, jabatan pesakit luar hospital dan jabatan kecemasan) atau dari fasiliti swasta (klinik atau hospital swasta).

Bagi tahun 2017 juga, tiada notifikasi atau maklumat yang diterima oleh Kementerian berkaitan kematian akibat pembedahan plastik, yang berlaku di fasiliti jagaan kesihatan swasta yang dikawal selia di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturannya.